

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUBAHASA**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN : LA1, LA2, LA3, LA5, LA6, LA7, LA8
TARIKH KUAT KUASA : 1 DISEMBER 2024

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED LA1

Jurubahasa Bahasa Melayu atau Jurubahasa Selain Bahasa Melayu

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA1: RM1,561.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA1: RM1,622.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED LA5

Jurubahasa Bahasa Melayu atau Jurubahasa Selain Bahasa Melayu

- (b) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA5: RM1,650.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA5: RM1,650.00); atau
- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA5: RM1,650.00); atau

- (iv) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LA5: RM1,893.00).

**SYARAT UJIAN LISAN
BAHASA/DIALEK**

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED LA2**

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED LA3**

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED LA5**

2. Calon bagi lantikan Jurubahasa selain Bahasa Melayu hendaklah lulus Ujian Lisan bahasa/dialek berkaitan yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Melantik.
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
6. Jurubahasa Gred LA1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA2 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
7. Jurubahasa Gred LA2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA3 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
8. (a) Jurubahasa Gred LA1 atau LA2 adalah dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Jurubahasa Gred LA5 yang kosong apabila telah:
 - (i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(b);
 - (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Jurubahasa Gred LA3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA5 yang kosong apabila telah:
 - (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED LA6**

9. Jurubahasa Gred LA5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA6 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED LA7**

- 10 Jurubahasa Gred LA6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA7 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED LA8**

- 11 Jurubahasa Gred LA7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA8 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN PENOLONG
PEGAWAI UNDANG-UNDANG
GRED L5**

- 12 Jurubahasa Gred LA1, LA2 atau LA3 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L5 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN PEGAWAI
UNDANG-UNDANG GRED L9**

- 13 Jurubahasa Gred LA5, LA6, LA7 atau LA8 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Jurubahasa yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).